

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ke-54 Malayan Banking Berhad (Maybank/Syarikat) akan diadakan di Grand Ballroom, Aras 1, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Isnin, 7 April 2014, jam 10.00 pagi untuk tujuan melaksanakan urusan-urusan berikut:-

**URUSAN BIASA:**

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 bersama dengan laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit. **(Resolusi Biasa 1)**
2. Untuk meluluskan pembayaran Dividen Akhir Satu Peringkat (Final Single-Tier Dividend) bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 iaitu dividen satu peringkat (single-tier dividend) sebanyak 31 sen sesaham biasa sebagaimana yang disyorkan oleh Lembaga Pengarah. **(Resolusi Biasa 2)**
3. Untuk melantik semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 96 dan 97 Tataurus Syarikat:-
  - i) Dato' Dr Tan Tat Wai **(Resolusi Biasa 3)**
  - ii) Encik Cheah Teik Seng **(Resolusi Biasa 4)**
4. Untuk melantik semula Datuk Abdul Farid Alias yang bersara selaras dengan Artikel 100 Tataurus Syarikat. **(Resolusi Biasa 5)**
5. Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka. **(Resolusi Biasa 6)**

**URUSAN KHAS:**

Untuk menimbang dan sekiranya bersesuaian, meluluskan Resolusi Biasa berikut:-

6. **MEMBERI KUASA KEPADA PARA PENGARAH UNTUK MENERBITKAN SAHAM**  
"BAHAWA tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Tataurus Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa/pengawalselia berkaitan, para Pengarah adalah diberikan kuasa menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk menerbitkan saham Syarikat pada bila-bila masa sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya, di bawah terma-terma dan syarat-syarat dan untuk tujuan-tujuan berkaitan mengikut budi bicara mutlak para Pengarah dengan syarat jumlah agregat saham yang akan diterbitkan tidak melebihi 10 peratus daripada modal saham terbitan Syarikat buat masa ini." **(Resolusi Biasa 7)**
7. **PERUNTUKAN DAN TERBITAN SAHAM BIASA BARU RM1.00 SESAHAM DALAM MAYBANK ("SAHAM MAYBANK") BERKAITAN PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN BERULANG DAN PILIHAN YANG MEMBENARKAN PEMEGANG SAHAM MAYBANK ("PEMEGANG SAHAM") UNTUK MELABUR SEMULA DIVIDEN MASING-MASING DALAM SAHAM BIASA BARU RM1.00 SESAHAM DALAM MAYBANK ("PELAN PELABURAN SEMULA DIVIDEN")**  
"BAHAWA menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen seperti diluluskan oleh pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 14 Mei 2010, kelulusan diberikan kepada Syarikat untuk memperuntukkan dan menerbitkan sejumlah saham baru Maybank bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya di bawah terma-terma dan syarat-syarat dan kepada mereka yang berkenaan mengikut budi bicara mutlak para Pengarah dan untuk kepentingan Syarikat DENGAN SYARAT harga terbitan saham baru Maybank ditetapkan oleh Pengarah tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%) diskaun pada penyalaraan nilai harga pasaran purata wajaran lima (5) hari ("VWAMP") bagi saham Maybank sejurus sebelum tarikh penetapan harga, yang mana VWAMP diselaras sebagai ex-dividen sebelum menggunakan diskaun yang disebutkan dalam penetapan harga terbitan;  
DAN BAHAWA Pengarah dan Setiausaha Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk melakukan tindakan dan melaksanakan urusan-urusan dan dokumen-dokumen yang mungkin diperlukan atau dipercepatkan untuk memberi kesan sepenuhnya terhadap Pelan Pelaburan Semula Dividen dengan kuasa sepenuhnya untuk mengizinkan sebarang syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan (jika ada) yang mungkin dikenakan atau dipersetujui oleh mana-mana pihak berkuasa atau akibat daripada pelaksanaan syarat, pengubahsuaian, variasi dan/atau pindaan atau atas budi bicara para Pengarah dalam membuat keputusan terbaik untuk Syarikat." **(Resolusi Biasa 8)**
8. **CADANGAN PERUNTUKAN OPSYEN DAN/ATAU PEMBERIAN SAHAM MAYBANK KEPADA DATUK ABDUL FARID ALIAS**  
"BAHAWA para Pengarah dengan ini diberi kuasa pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa, untuk menawarkan dan/atau memberikan opsyen untuk melanggan saham-saham biasa baru Maybank ("Saham Maybank"), dan memberikan Saham Maybank sehingga tahap maksima berjumlah 3,342,000 kepada Datuk Abdul Farid Alias, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif Maybank di bawah Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank yang diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Maybank yang telah diadakan pada 13 Jun 2011 ("ESS") seperti yang mereka anggap sesuai, tertakluk kepada sebarang terma dan syarat-syarat Undang-Undang Kecil Skim Saham Kakitangan Kumpulan Maybank ("Undang-Undang Kecil") dengan syarat bahawa:-
  - i) tidak melebihi 50% daripada Saham Maybank yang akan diterbitkan di bawah ESS adalah untuk diperuntukkan dalam agregat kepada para Pengarah Eksekutif dan pihak pengurusan kanan Kumpulan Maybank yang menyertai Skim (seperti yang ditakrifkan di bawah Undang-Undang Kecil); dan
  - ii) tidak melebihi 10% daripada Saham Maybank yang akan diterbitkan di bawah ESS adalah untuk diperuntukkan kepada mana-mana individu Kakitangan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Undang-Undang Kecil) yang, sama ada secara individu atau kolektif melalui mereka yang berkaitan dengan Kakitangan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Undang-Undang Kecil), memegang 20% atau lebih dalam modal terbitan dan berbayar Syarikat dan terma "mereka yang berkaitan dengan" ("person connected with") hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang dinyatakan di bawah Perenggan 1.01 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.DAN BAHAWA para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk menerbitkan dan memperuntukkan Saham Maybank baru menurut ESS kepada Datuk Abdul Farid Alias dari masa ke semasa menurut pelaksanaan opsyen tersebut." **(Resolusi Biasa 9)**
9. Untuk melaksanakan sebarang urusan-urusan lain Syarikat yang mana notis mengenainya telah diterima selaras dengan Akta Syarikat, 1965.

**DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH****MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI**

LS0008977

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

14 Mac 2014

**NOTA-NOTA:**

1. Setiap ahli yang berhak menghadiri, berucap dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan boleh melantik seorang proksi untuk menghadiri mesyuarat, berucap dan mengundi bagi pihaknya sama ada dengan undian tangan atau "poll". Proksi itu tidak semestinya seorang ahli Syarikat ini. Suratcara pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau wakil yang telah diberikan kuasa secara bertulis, atau jika pelantik adalah sebuah perbadanan, suratcara pelantikan proksi itu mestilah mempunyai meterai syarikat atau sebarang cara yang diluluskan oleh para pengarah perbadanan tersebut.
2. (i) Seorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) proksi untuk menghadiri, berucap dan mengundi di mesyuarat.  
(ii) Walaubagaimanapun, penama diberi kuasa yang dikecualikan, adalah dibolehkan untuk melantik proksi berbilang bagi setiap satu Akaun Omnibus yang dipegang.  
(iii) Seorang ahli yang merupakan seorang penama yang diberi kuasa sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Pendeposit Pusat) 1991, berhak melantik sekurang-kurangnya satu proksi tetapi tidak melebihi dua (2) proksi bagi setiap satu Akaun Sekuriti yang dipegangnya yang masih berkaki kredit saham-saham biasa Syarikat bagi Akaun Sekuriti berkenaan.  
(iv) Sekiranya seorang ahli melantik lebih daripada seorang proksi, pelantikan tersebut hanya sah sekiranya beliau menyatakan bahagian pegangan yang diwakili oleh setiap proksi.
3. Borang Proksi yang telah disempurnakan mestilah dihantar ke pejabat pendaftaran saham Syarikat yang dilantik bagi Mesyuarat Agung Tahunan ini, Tricor Investor Services Sdn Bhd di Tingkat 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur tidak lewat daripada 5 April 2014 pada 10.00 pagi.
4. Bagi Borang Proksi yang telah disempurnakan di luar Malaysia, tanda tangannya mestilah disahkan oleh Peguamcara, Notari Awam, Konsul atau Majistret.
5. Hanya ahli-ahli yang berdaftar di dalam Rekod Pendeposit pada 1 April 2014 layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan atau melantik proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.
6. **Nota penjelasan kepada Urusan Biasa:-**
  - (i) **Resolusi Biasa 2 - Pembayaran Dividen Akhir Satu Peringkat**  
Cadangan Dividen Akhir Satu Peringkat (Final Single-Tier Dividend) sepertimana di Resolusi Biasa 2 mengandungi bahagian tunai dividen satu peringkat (single-tier dividend) sebanyak 4 sen dividen satu peringkat (single-tier dividend) sesaham biasa dan bahagian pilihan sebanyak 27 sen dividen satu peringkat sesaham biasa. Bahagian pilihan boleh dilaburkan semula dalam saham biasa baru sejajar dengan Pelan Pelaburan Semula Dividen seperti yang dinyatakan di dalam Nota 31 (b) Penyata Kewangan.  
Menurut Perenggan 8.26 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama, Dividen Akhir Satu Peringkat, sekiranya diluluskan, akan dibayar tidak lebih dari tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan pemegang saham. Tarikh Penutupan Buku akan diumumkan selepas Mesyuarat Agung Tahunan.
  - (ii) **Resolusi Biasa 3 dan 4 - Penilaian Kebebasan Pengarah Bebas**  
Kebebasan Dato' Dr Tan Tat Wai dan Encik Cheah Teik Seng, yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat telah dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan & Imbuan dan telah disahkan oleh Lembaga Pengarah.
7. **Nota penjelasan kepada Urusan Khas:-**
  - (i) **Resolusi Biasa 7 - Memberi Kuasa Kepada Para Pengarah Untuk Menerbitkan Saham**  
Syarikat tidak menerbitkan sebarang saham baru di bawah mandat am bagi terbitan dan peruntukan saham sehingga 10% daripada modal terbitan dan berbayar penuh Syarikat, yang telah diluluskan pada Mesyuarat Agung Tahunan ke 53 pada 28 Mac 2013 dan yang akan luput pada pengakhiran Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan pada 7 April 2014. Pembaharuan mandat ini akan dipohon pada Mesyuarat Agung Tahunan ke 54 di bawah Resolusi Biasa 7 yang dicadangkan.  
Resolusi Biasa 7 yang dicadangkan adalah pembaharuan mandat am menurut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965 yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan sebelumnya, dan sekiranya diluluskan akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menerbitkan saham biasa menerusi modal Syarikat untuk bilangan agregat saham tidak melebihi 10% saham terbitan dan berbayar modal Syarikat pada waktu tersebut tanpa perlu mengadakan satu mesyuarat agung. Mandat ini, kecuali ditakrifkan atau diubah pada satu mesyuarat agung yang lain, akan luput pada Mesyuarat Agung Tahunan berikutnya.  
Tujuan mandat pemegang saham adalah untuk memberi Syarikat fleksibiliti dalam tahun kewangan berkenaan untuk melaksanakan sebarang terbitan saham tanpa perlu mengadakan Mesyuarat Agung. Rasional cadangan mandat ini adalah untuk membolehkan terbitan saham dan/atau aktiviti penjana dana termasuk penempatan saham untuk tujuan pembiayaan projek pelaburan semasa dan/atau di masa hadapan, modal kerja dan/atau pemerolehan dan juga sekiranya timbul peluang strategik termasuk tawaran ekuiti yang memerlukan Syarikat menerbit dan memperuntukkan saham baru dengan kadar segera yang mana dapat mengurangkan tempoh urusan serta kos berkenaan mengadakan mesyuarat tambahan pemegang saham. Walau bagaimanapun mandat ini hanya akan dilaksanakan sekiranya Lembaga Pengarah menganggapnya sebagai suatu kepentingan yang terbaik untuk Syarikat.
  - (ii) **Resolusi Biasa 8 - Pelan Pelaburan Semula Dividen**  
Resolusi Biasa 8 yang dicadangkan akan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen bagi dividen yang diisytiharkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini dan seterusnya sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang. Pembaharuan kuasa ini akan dicadangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.
  - (iii) **Resolusi Biasa 9 - Peruntukan Opsyen Dan/Atau Pemberian Saham Maybank Kepada Datuk Abdul Farid Alias**  
Resolusi Biasa 9 yang dicadangkan adalah selaras dengan ESS yang telah diluluskan oleh para pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 13 Jun 2011 ("EGM"). ESS telah dilaksanakan pada 23 Jun 2011 dan berkuatkuasa bagi tempoh maksimum tujuh (7) tahun dari tarikh dikuatkuasakan. Para pemegang saham di Mesyuarat Agung Luar Biasa juga telah meluluskan peruntukan opsyen dan/atau pemberian Saham Maybank kepada bekas Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Maybank untuk melanggan sehingga tahap maksima 5,000,000 Saham Maybank. Peruntukan yang dicadangkan bagi Datuk Abdul Farid Alias berkaitan opsyen dan/atau pemberian Saham Maybank di atas adalah selaras dengan kelayakan beliau untuk mengambil bahagian dalam ESS oleh sebab kedudukannya sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Pengarah Eksekutif Maybank.  
ESS terdiri daripada dua (2) jenis insentif berasaskan prestasi yang merangkumi Skim Opsyen Saham Kakitangan (ESOS) dan Unit Saham Terhad (RSU). ESS akan luput pada 23 Jun 2018.  
ESS adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Undang-Undang Kecil dan oleh itu sebarang terma yang ditakrifkan dalam Undang-Undang Kecil yang dinyatakan dalam Resolusi Biasa 9 atau nota-nota penjelasan ini hendaklah mempunyai maksud yang sama.  
Bilangan maksimum saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam Syarikat yang tersedia di bawah ESS tidak boleh melebihi 10% daripada jumlah saham terbitan dan berbayar Syarikat pada bila-bila masa sepanjang tempoh ESS. Ciri-ciri utama lain ESS dinyatakan dalam Nota 31 (c) penyata kewangan.  
Datuk Abdul Farid Alias telah mengecualikan dirinya dan akan terus mengecualikan dirinya daripada perbincangan dan pengundian mengenai sebarang perkara yang berkaitan dengan ESS dan kelayakannya di bawah ESS dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan akan terus mengecualikan dirinya daripada pengundian dalam perkara berkenaan dengan pegangan saham langsung dan/atau tidak langsung beliau di Maybank (jika ada), dalam resolusi yang berkaitan dengan cadangan peruntukan kepadanya di bawah ESS yang akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang.
8. **Penyata Iringan bagi Notis Mesyuarat Agung Tahunan**  
Maklumat tambahan berkenaan Perenggan 8.27 (2) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama, Bursa Malaysia Securities Berhad dinyatakan di Lampiran A Laporan Tahunan Maybank 2013.

NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT the 54th Annual General Meeting of Malayan Banking Berhad (Maybank/the Company) will be held at the Grand Ballroom, Level 1, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur on Monday, 7 April 2014 at 10.00 a.m. for the following businesses:-

**AS ORDINARY BUSINESS:**

1. To receive the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2013 together with the Reports of the Directors and Auditors thereon. (Ordinary Resolution 1)
2. To approve the payment of a Final Single-Tier Dividend in respect of the financial year ended 31 December 2013 of single-tier dividend of 31 sen per ordinary share as recommended by the Board. (Ordinary Resolution 2)
3. To re-elect the following Directors, each of whom retires by rotation in accordance with Articles 96 and 97 of the Company's Articles of Association:-
  - i) Dato' Dr Tan Tat Wai (Ordinary Resolution 3)
  - ii) Mr Cheah Teik Seng (Ordinary Resolution 4)
4. To re-elect Datuk Abdul Farid Alias who retires in accordance with Article 100 of the Company's Articles of Association. (Ordinary Resolution 5)
5. To re-appoint Messrs Ernst & Young as Auditors of the Company for the financial year ending 31 December 2014 and to authorise the Directors to fix their remuneration. (Ordinary Resolution 6)

**AS SPECIAL BUSINESSES:**

To consider, and if thought fit, to pass the following Ordinary Resolutions:-

6. **AUTHORITY TO DIRECTORS TO ISSUE SHARES**

"THAT subject always to the Companies Act, 1965, the Company's Articles of Association and approval of the relevant government/regulatory authorities, the Directors be and are hereby authorised pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965, to issue shares in the Company at any time until the conclusion of the next Annual General Meeting and upon such terms and conditions and for such purposes as the Directors may, in their absolute discretion deem fit, provided that the aggregate number of shares to be issued does not exceed 10% of the issued share capital of the Company for the time being." (Ordinary Resolution 7)
7. **ALLOTMENT AND ISSUANCE OF NEW ORDINARY SHARES OF RM1.00 EACH IN MAYBANK ("MAYBANK SHARES") IN RELATION TO THE RECURRENT AND OPTIONAL DIVIDEND REINVESTMENT PLAN THAT ALLOWS SHAREHOLDERS OF MAYBANK ("SHAREHOLDERS") TO REINVEST THEIR DIVIDEND TO WHICH THE DIVIDEND REINVESTMENT PLAN APPLIES, IN NEW ORDINARY SHARES OF RM1.00 EACH IN MAYBANK ("DIVIDEND REINVESTMENT PLAN")**

"THAT pursuant to the Dividend Reinvestment Plan as approved by the shareholders at the Extraordinary General Meeting held on 14 May 2010, approval be and is hereby given to the Company to allot and issue such number of new Maybank Shares for the Dividend Reinvestment Plan until the conclusion of the next Annual General Meeting upon such terms and conditions and to such persons as the Directors may, in their absolute discretion, deem fit and in the interest of the Company PROVIDED THAT the issue price of the said new Maybank Shares shall be fixed by the Directors at not more than ten percent (10%) discount to the adjusted five (5)-day volume weighted average market price ("VWAMP") of Maybank Shares immediately prior to the price-fixing date, of which the VWAMP shall be adjusted ex-dividend before applying the aforementioned discount in fixing the issue price;

AND THAT the Directors and the Secretary of the Company be and are hereby authorised to do all such acts and enter into all such transactions, arrangements and documents as may be necessary or expedient in order to give full effect to the Dividend Reinvestment Plan with full power to assent to any conditions, modifications, variations and/or amendments (if any) as may be imposed or agreed to by any relevant authorities or consequent upon the implementation of the said conditions, modifications, variations and/or amendments or at the discretion of the Directors in the best interest of the Company." (Ordinary Resolution 8)
8. **PROPOSED ALLOCATION OF OPTIONS AND/OR GRANT OF MAYBANK SHARES TO DATUK ABDUL FARID ALIAS**

"THAT the Directors be and are hereby authorised at any time, and from time to time, to offer and/or grant options to subscribe for new ordinary shares in Maybank ("Maybank Shares"), and grant Maybank Shares of up to a maximum of 3,342,000 Maybank Shares to Datuk Abdul Farid Alias, the Group President & Chief Executive Officer and Executive Director of Maybank under the Maybank Group Employees' Share Scheme as approved by the shareholders at the Extraordinary General Meeting of Maybank held on 13 June 2011 ("ESS") as they shall deem fit, subject always to such terms and conditions of the By-Laws of the Maybank Group Employees' Share Scheme ("the By-Laws") provided that:-

  - i) not more than 50% of the Maybank Shares to be issued under the ESS are to be allocated in aggregate to Executive Directors and senior management of the Participating Maybank Group (as defined in the By-Laws); and
  - ii) not more than 10% of the Maybank Shares to be issued under the ESS are to be allocated to any individual Eligible Employee (as defined in the By-Laws) who, either singly or collectively through persons connected with that Eligible Employee (as defined in the By-Laws), holds 20% or more in the issued and paid-up capital of the Company and the term "person connected with" shall have the same meaning as that assigned under Paragraph 1.01 of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad.

AND THAT the Directors be and are hereby authorised to issue and allot new Maybank Shares pursuant to the ESS to Datuk Abdul Farid Alias from time to time pursuant to the exercise of such options." (Ordinary Resolution 9)
9. To transact any other business of the Company for which due notice shall have been received in accordance with the Companies Act, 1965.

**BY ORDER OF THE BOARD**  
**MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI**  
LS0008977  
Company Secretary

Kuala Lumpur  
14 March 2014

**NOTES:**

1. A member entitled to attend, speak and vote at the Annual General Meeting is entitled to appoint a proxy to attend, speak and on a show of hands or on a poll, to vote in his stead. A proxy may but need not be a member of the Company. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointor or his attorney duly authorised in writing, or if the appointor is a corporation, under its common seal or in some other manner approved by its directors.
2. (i) A member shall not be entitled to appoint more than two (2) proxies to attend, speak and vote at the meeting.  
(ii) Notwithstanding the above, an exempt authorised nominee may appoint multiple proxies in respect of each Omnibus Account held.  
(iii) A member who is an authorised nominee as defined under the Securities Industry (Central Depository) Act 1991 may appoint at least one proxy but not more than two proxies in respect of each Securities Account it holds with ordinary shares of the Company standing to the credit of the said Securities Account.  
(iv) Where a member appoints more than one proxy, the appointments shall be invalid unless he specifies the proportions of his holding to be represented by each proxy.
3. Duly completed Form of Proxy must be deposited at the office of the appointed share registrar for this Annual General Meeting, Tricor Investor Services Sdn Bhd at Level 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur no later than 5 April 2014 at 10.00 a.m.
4. For a Form of Proxy executed outside Malaysia, the signature must be attested by a Solicitor, Notary Public, Consul or Magistrate.
5. Only members registered in the Record of Depositors as at 1 April 2014 shall be eligible to attend the Annual General Meeting or appoint proxy to attend and vote on his/ her behalf.
6. **Explanatory notes on Ordinary Businesses :-**
  - (i) **Ordinary Resolution 2 - Payment of Final Single-Tier Dividend**

The proposed Final Single-Tier Dividend as per Resolution 2 consists of cash portion of 4 sen single-tier dividend per ordinary share and an electable portion of 27 sen single-tier dividend per ordinary share. The electable portion can be elected to be reinvested into new ordinary shares in accordance with the Dividend Reinvestment Plan as disclosed in Note 31(b) of the financial statements.  
Pursuant to Section 8.26 of the Main Market Listing Requirements, the Final Single-Tier Dividend, if approved, shall be paid not later than three (3) months from the date of the shareholders' approval. The Book Closure Date will be announced by the Company after the Annual General Meeting.
  - (ii) **Ordinary Resolutions 3 and 4 - Assessment of Independence of Independent Directors**

The independence of Dato' Dr Tan Tat Wai and Mr Cheah Teik Seng who have served as Independent Non-Executive Directors of the Company has been assessed by the Nomination & Remuneration Committee and affirmed by the Board.
7. **Explanatory notes on Special Businesses :-**
  - (i) **Ordinary Resolution 7 - Authority to Directors to Issue Shares**

The Company has not issued any new shares under the general mandate for issuance and allotment of shares up to 10% of the issued and paid-up capital of the Company, which was approved at the 53rd Annual General Meeting held on 28 March 2013 and which will lapse at the conclusion of the 54th Annual General Meeting to be held on 7 April 2014. A renewal of this mandate is sought at the 54th Annual General Meeting under Proposed Ordinary Resolution 7.  
The Proposed Ordinary Resolution 7 is a renewal of the general mandate pursuant to Section 132D of the Companies Act, 1965 obtained from the shareholders of the Company at the previous Annual General Meeting and, if passed will give powers to the Directors to issue ordinary shares in the capital of the Company up to an aggregate amount not exceeding 10% of the issued and paid-up share capital of the Company for the time being without having to convene a general meeting. This general mandate, unless revoked or varied at a general meeting, will expire at the next Annual General Meeting.  
The general mandate from shareholders is to provide the Company flexibility to undertake any share issuance during the financial year without having to convene a general meeting. The rationale for this proposed mandate is to allow for possible share issue and/or fund raising exercises including placement of shares for the purpose of funding current and/or future investment project, working capital and/or acquisitions as well as in the event of any strategic opportunities involving equity deals which may require the Company to allot and issue new shares on urgent basis and thereby reducing administrative time and costs associated with the convening of additional shareholders meeting(s). In any event, the exercise of the mandate is only to be undertaken if the Board considers it to be in the best interest of the Company.
  - (ii) **Ordinary Resolution 8 - Dividend Reinvestment Plan**

This Proposed Ordinary Resolution 8 will give authority to the Directors to allot and issue shares for the Dividend Reinvestment Plan in respect of dividends declared in this Annual General Meeting and subsequently until the next Annual General Meeting. A renewal of this authority will be sought at the next Annual General Meeting.
  - (iii) **Ordinary Resolution 9 - Allocation of Options and/or Grant of Maybank Shares to Datuk Abdul Farid Alias**

This proposed Ordinary Resolution 9 is made pursuant to the ESS which had been approved by the shareholders at the Extraordinary General Meeting held on 13 June 2011 ("EGM"). The ESS was implemented on 23 June 2011 and is in force for a maximum period of seven (7) years from the effective date. The shareholders at the EGM had also approved the allocation of options and/or grant of Maybank shares to the former President & Chief Executive Officer and Executive Director of Maybank to subscribe up to a maximum of 5,000,000 Maybank Shares. The proposed allocation to Datuk Abdul Farid Alias of the above options and/or grant of Maybank Shares is pursuant to his entitlement to participate in the ESS by virtue of his position as the Group President & Chief Executive Officer and Executive Director of Maybank.  
The ESS consists of two (2) types of performance-based awards in the form of Employee Share Option Scheme and Restricted Share Unit. The ESS will expire on 23 June 2018.  
The ESS shall be subject to the terms and conditions of the By-Laws and therefore any terms as defined in the By-Laws which are mentioned in the Ordinary Resolution 9 or this explanatory note shall have the same meaning herein.  
The maximum number of ordinary shares of RM1.00 each in the Company available under the ESS should not exceed 10% of the total number of issued and paid-up capital of the Company at any point of time during the duration of the ESS. Other principal features of the ESS are disclosed in Note 31(c) of the financial statements.  
Datuk Abdul Farid Alias has abstained and will continue to abstain from deliberating and voting on any subject matter pertaining to the ESS and his entitlement under the ESS at the Board meetings and will continue to abstain from voting in respect of his direct and/or indirect shareholdings in Maybank (if any), on the resolution pertaining to proposed allocation to him under the ESS to be tabled at the forthcoming Annual General Meeting. Datuk Abdul Farid Alias shall also ensure that persons connected to him will abstain from voting in respect of their direct and/or indirect shareholdings in Maybank (if any) on the resolution approving the proposed allocation to him under the ESS to be tabled at the forthcoming Annual General Meeting.
8. **Statement Accompanying the Notice of Annual General Meeting**

Additional information pursuant to Paragraph 8.27(2) of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad is set out in Annexure A in Maybank's Annual Report 2013.